

**TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**YAB DATO' SERI DR WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**MERANGKAP**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM MEMPERKASA KOMUNITI PENGGUNA SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA  
2018

Tarikh: 09/17/2018 - 12:00

Monday, September/17/2018

Tempat: DEWAN SMK KEN HWA, KENINGAU, SABAH

Terima kasih Saudari Pengerusi Majlis.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku,

Salutasi

**PENDAHULUAN**

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat berhimpun pada hari ini, bersama-sama dengan masyarakat di pendalaman Sabah dengan suasana yang aman dan damai.

Semoga pertemuan kita pada hari ini mendapat rahmat dari-Nya dan diberkati dengan ikatan silaturrahim yang lebih kukuh, untuk kita berjalan seiring ke arah membina Malaysia Baru yang lebih baik untuk rakyat Malaysia.

Di dalam era Malaysia Baru, kita berpeluang untuk meneroka pelbagai idea dan pendekatan baru dalam memacu kemajuan negara dan memberikan kehidupan yang lebih baik kepada rakyat di negara ini. Idea-idea baru yang berupaya menjana peningkatan dalam ekonomi, memberikan jamin keselamatan dan kesejahteraan hidup, mengeratkan

perpaduan antara kaum dan bebas daripada salah laku integriti. Semua ini boleh dikecapi sekiranya semua pihak memberikan kepercayaan dan sokongan dalam setiap usaha pembaharuan yang cuba dibawa oleh Kerajaan.

Hadirin yang saya muliakan,

#### TEMA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2018

Semalam, tanggal 16 September 2018, kita menyambut Hari Malaysia dengan suasana yang cukup bersemangat di Kota Kinabalu. Dengan berbekal semangat itu, kita berkumpul pada hari ini untuk bersama-sama meraikan sambutan Hari Malaysia dengan masyarakat di pedalaman Sabah. Saya dapat merasakan betapa rakyat Sabah ketika 55 tahun yang lalu begitu teruja untuk menyertai pembentukan Persekutuan Malaysia, untuk berkongsi kehidupan dengan rakyat di Semenanjung dan Sarawak.

\*\*\*Saya difahamkan bahawa telah berlaku satu peristiwa yang penting di Keningau baru-baru ini iaitu Pemindahan Batu Sumpah Keningau ke tapak asalnya dengan binaan yang lebih baik. Batu Sumpah ini merupakan satu artifak sejarah yang terkandung ringkasan Perjanjian 20 Perkara Sabah serta tanggungjawab Kerajaan Malaysia kepada rakyat Sabah. Kerajaan pada hari ini berhasrat teguh untuk mendukung prinsip-prinsip dalam perjanjian tersebut dan memastikan hak-hak rakyat Sabah dihormati.

Hadirin sekalian,

#### TEMA SEMPENA PROGRAM MEMPERKASA KOMUNITI PENGGUNA

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerana telah menganjurkan Program Memperkasa Komuniti Pengguna pada hari ini. Sebuah program yang pada hemat saya amat bertepatan masanya pada ketika kita sedang menyaksikan peralihan sistem percukaian daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Saya percaya bahawa sesi penerangan yang dilakukan akan dapat memberi pencerahan kepada rakyat untuk membezakan antara GST dan SST. Dengan adanya pengetahuan, maka akan wujud kefahaman mengenai usaha yang dilakukan oleh kerajaan demi memberi keselesaan kepada rakyat. Rakyat akan dapat menilai sendiri bahawa setiap keputusan yang diambil oleh Kerajaan adalah berlandaskan kepada kepentingan rakyat.

Pada masa yang sama, saya menggesa pihak KPDNHEP dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) untuk mempergiat usaha penguatkuasaan bagi mengekang sebarang kegiatan mengaut keuntungan yang tidak munasabah oleh segelintir golongan peniaga yang tidak bertanggungjawab. Tindakan yang tegas perlulah diambil kepada sebarang salah laku ini agar menjadi teladan kepada semua pihak supaya beretika dalam urus niaga mereka.

Hadirin yang saya hormati,

## PERANAN KPDNHEP DAN PENGGUNA

Perlu diingatkan juga ialah peranan kita sebagai pengguna. Adalah penting untuk kita mengetahui hak-hak dan peranan kita sebagai pengguna agar tidak diambil kesempatan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab ini. Pengguna haruslah memainkan peranan sebagai penentu harga barangan di pasaran. Ini boleh dilakukan sekiranya setiap kita bijak dalam merancang dan mengawal perbelanjaan kita. Berbelanjalah dengan bijak dan membeli apa yang perlu sahaja dan buatlah perbandingan harga di premis-premis sebelum melakukan sebarang pembelian.

Selain itu, saya juga menggesa para pengguna untuk menjadi Rakan kepada KPDNHEP (Friends of KPDNHEP) untuk membantu para penguatkuasa kita sebagai mata dan telinga dalam menyampaikan maklumat berkaitan salah laku oleh peniaga. Pelbagai saluran aduan telah disediakan oleh KPDNHEP untuk memudahkan kita menyampaikan maklumat dan yang terkini, aduan tuan-puan boleh dipanjangkan kepada Kementerian melalui aplikasi Whatsapp. Begitu mudah, hanya ambil gambar, taipkan maklumat premis dan hantar sahaja melalui Whatsapp Kementerian (019-2794317). Saya diberi jaminan oleh Menteri KPDNHEP bahawa tindakan ke atas setiap aduan akan diambil dalam tempoh 24 jam. Syabas kepada para penguatkuasa KPDNHEP di atas tindakan pantas mereka.

Sememangnya bilangan pegawai kita adalah terhad, oleh yang demikian saya menggesa para pengguna untuk membantu kerajaan dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan melalui saluran-saluran aduan yang telah disediakan. Pesan saya kepada seluruh rakyat di pedalaman ini, jadilah pengguna yang bijak.

Menangani kos sara hidup merupakan agenda yang Kerajaan tekan. KPDNHEP juga amat mengambil berat tentang isu-isu pengguna dan sentiasa berusaha untuk memperkenalkan lebih banyak program yang dapat membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat. Melalui Program Food Bank Malaysia ianya diharap akan dapat membantu pendapatan boleh guna 'disposable income' kepada golongan B40 dan kurang berkemampuan di kawasan luar bandar seperti ini.

Dengan ini, saya percaya bahawa Program Food Bank Malaysia akan menjadi titik permulaan untuk meringankan kesan kenaikan kos sara hidup dan mengurangkan pembaziran makanan di antara Rakyat Malaysia. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mensyorkan syarikat-syarikat pasaraya, pengilang dan industri perhotelan untuk turut serta bersama-sama KPDNHEP dalam menjayakan Program Food Bank Malaysia yang akan dilancarkan pada hari ini.

Hadirin sekalian yang dihormati sekalian,

#### PERTUBUHAN KEBUDAYAAN DAN KEBAJIKAN MURUT MALAYSIA

Kedatangan saya ke sini juga adalah di atas jemputan oleh Pertubuhan Kebudayaan dan Kebajikan Murut Malaysia. Terima kasih kepada En. Raymond Ahuar selaku pengerusi pertubuhan dan seluruh pimpinannya kerana memberi peluang kepada saya untuk bertemu dengan rakyat Sabah dalam suasana yang baharu ini.

Saya difahamkan bahawa pertubuhan ini ditubuhkan untuk memperjuang, membela dan mempertahankan kelangsungan masyarakatnya. Kerajaan menyokong apa jua pertubuhan yang membantu kerajaan untuk membina masyarakat yang lebih baik. Pada masa yang sama, keharmonian negara kita yang berbilang kaum dan agama ini perlulah dikekalkan. Kemajuan yang ingin kita kecapai harus bebas daripada penindasan terhadap mana-mana golongan, selaras dengan perlembagaan Negara. Oleh yang demikian, Pertubuhan ini perlulah mengambil langkah bijak dan bertanggungjawab dalam membantu komunitinya dan komuniti lain di sekitarnya.

#### PENUTUP

Akhir kata, saya ingin menyatakan penghargaan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini. Saya cukup gembira dengan sambutan yang diberikan oleh rakyat Sabah dan saya yakin bahawa sokongan ini menggambarkan kepercayaan dan harapan rakyat untuk melihat perubahan yang dibawa oleh Kerajaan pada hari ini. Sama-samalah kita berdoa supaya setiap usaha yang kita lakukan mencapai hasilnya.

Saya kira masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan kepada semua dengan semangat Sayangi Negaraku. Selamat Hari Malaysia.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan PROGRAM MEMPERKASA KOMUNITI PENGGUNA SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2018. Sekian, terima kasih.

© Hak Cipta © 2018, Jabatan Perdana Menteri

Source: <http://tpm.ipm.gov.my/tpm/ms/node/58>